BAB 5

SEMANTIK NAMA HAIWAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kata nama haiwan yang berperanan mendukung sesuatu permaknaan dalam peribahasa Melayu.

Dalam binaan peribahasa Melayu, didapati kata nama haiwan adalah antara yang terbanyak digunakan dalam sesuatu binaan peribahasa. Kata nama haiwan ini digunakan sebagai simbol timbal balik kepada perlakuan manusia dan persekitarannya.

Berikut adalah kata nama haiwan yang digunakan sebagai bahan analisis.

Kata Nama Haiwan	Jumlah	Peratus
Anai-anai	3	0.47
Anjing	38	5.97
Ayam	55	8.63

Babi	5	0.78
Badak	4	0.63
Bangau	3	0.47
Bayan	3	0.47
Belalang	5	0.78
Belut	7	1.09
Berudu	2	0.31
Beruk	6	0.94
Biawak	7	1.09
Buaya	7	1.09
Buntal	4	0.63
Burung	15	2.35
Cacing	8	1.26
Elang	4	0.63
Enggang	11	1.73
Gagak	8	1.26
Gajah	41	6.44
Garuda	3	0.47
Harimau	28	4.39
Ikan	29	4.55

Itik	15	2.35
Kambing	18	2.38
Kasturi	2	0.31
Katak	8	1.26
Kelkatu	2	0.31
Keli	2	0.31
Kelip-kelip	2	0.31
Kepiting	4	0.63
Kera	15	2.35
Kerbau	37	5.49
Kijang	3	0.47
Kodok	2	0.31
Kuang	3	0.47
Kucing	14	2.19
Kuda	11	1.73
Kuman	6	0.94
Kumbang	4	0.63
Kura-kura	8	1.26
Kutu	7	1.09
Labah-labah	3	0.47

Lalat	4	0.63
Landak	2	0.31
Langau	8	1.26
Lebah	3	0.47
Lembu	5	0.78
Lintah	2	0.31
Lotong	3	0.47
Merak	2	0.31
Monyet	3	0.47
Murai	3	0.47
Musang	3	0.47
Naga	4	0.63
Nangoi	2	0.31
Nyamuk	4	0.63
Pacat	3	0.47
Pelanduk	7	1.09
Penyu	2	0.31
Pijat-pijat	5	0.78
Pipit	11	1.73
Puyuh	4	0.63

Rusa	7	0.31
Semut	9	1.42
Sepasin	3	0.47
Sepat	3	0.47
Sepatung	3	0.47
Serigala	2	0.31
Siamang	2	0.31
Singa	2	0.31
Siput	2	0.31
Tekukur	2	0.31
Tikus	9	1.42
Tuma	4	0.63
Tupai	4	0.63
Udang	9	1.34
Ular	28	4.39
Ulat	9	1.42
Umang-umang	3	0.47
Jumlah	637	100 %

.2 Analisis Data

Data-data analisis disusun mengikut urutan sebagaimana sususan dalam Data Terkumpul (lihat 5.1).

5.2.1 Kata Anai-Anai

Permaknaan denotatif kata anai-anai ialah sejenis serangga seperti semut tetapi putih warnanya yang membuat sarangnya dalam tabah atau kayu (makanan utamanya kayu).

Kata anai-anai mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. kaya (1)
2. beramai-ramai (2)
3. tekun dan rajin (3)

Kata anai-anai mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. keluar beramai-ramai (berduyun-duyun) (2)
2. mengerjakan sesuatu pekerjaan dan tekun dan rajin (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Kaya	+ konkrit + material + mewah + keadaan
Beramai-ramai	+ konkrit + jumlah + banyak
Tekun dan rajin	+ abstrak + keadaan + giat + bersungguh-sungguh

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori.

1. Keadaan

2. Beramai-ramai

Kategori keadaan dapat dipecahkan kepada dua subkategori iaitu kaya dan tekun dan rajin, lihat rajah di bawah;



Kategori keadaan adalah superordinat kepada sub-subkategori kaya dan tekun dan rajin. Sementara sub-subkategori merupakan subordinat kepada kategori keadaan.

Kedua-dua subkategori ini menunjukkan perkongsian ciri makna keadaan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Kaya
2. Tekun dan rajin

Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori adalah ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus konkrit, material dan mewah bagi

subkategori kaya; sementara ciri makna khusus abstrak, giat dan bersungguh-sungguh bagi subkategori tekun dan rajin.

Kategori beramai-ramai tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan, permaknaan konotatif 'kaya', 'tekun dan rajin' berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif. Sementara permaknaan konotatif 'beramai-ramai' membentuk golongan kata kerja. Kesemua permaknaan konotatif kata anai-anai berubah golongan kata.

5.2.2 Kata Anjing

Permaknaan denotatif kata anjing ialah sejenis binatang yang menyalak (ada yang dipelihara untuk menjaga rumah dan sebagainya dan ada yang liar).

Kata anjing mempunyai 16 permaknaan konotatif;

1. orang (2, 3, 4, 13, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 24, 26, 28, 29, 30, 32, 34)
2. orang jahat (5, 9, 11)

3. orang hina (6, 12)

4. orang yang rendah taraf sosial (7, 14, 15)

5. orang yang tamak (8, 25)

6. anak (10)

7. orang yang lemah (12)

8. i) orang sangat gembira (17a)

   ii) orang sangat sombong (17b)

9. orang tamak (23)

10. tiada masa depan yang baik (27)

11. lelaki jahat (31)

12. lelaki (33)

13. keadaan yang terdesak (35)

14. tercela (36)

15. orang yang tamak dan gelojoh (37)

16. seorang hamba (36)

Kata anjing mengalami perluasan makna apabila berkolakasi dengan kata lain.

1. orang yang tidak berilmu (1)

2. orang yang biasa berbuat jahat (3, 4)

3. orang yang sangat dibenci oleh masyarakat (16, 28)

4. kesusahan atau bahaya (22)

5. seorang hamba yang miskin (38)

Orang hina

+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- mulia
± jamak

Orang yang rendah taraf sosial

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- status tinggi
+ akal
± jamak

Orang yang tamak

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ sikap
+ haloba
± jamak

Anak

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ keturunan X
± jamak

Orang yang lemah	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - kuat - pengaruh ± jamak
Orang sangat gembira	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa - sedih + akal ± jamak

Orang sangat sombong	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	- rendah diri
	+ akal
	± jamak

Orang tamak	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	+ sikap
	+ haloba
	± jamak

Keadaan yang terdesak	+ abstrak
	+ keadaan
	+ tertekan
	+ genting
	- tenang
Tercela	+ abstrak
	+ keadaan
	+ hina
	+ aib
Orang yang tamak dan gelojoh	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	+ haloba
	- sabar
	+ akal
	± jamak

Seorang hamba

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ suruhan
- jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori.

1. Manusia
2. Abstrak

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada 14 subkategori, iaitu orang, orang jahat, orang hina, orang yang rendah taraf sosial, orang yang tamak, anak, orang lemah (hina), orang sangat gembira, orang sangat sombong, orang tamak, lelaki jahat, lelaki, orang yang tamak dan gelojoh dan seorang hamba, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori, manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kesemua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa dan berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Orang jahat
3. Orang hina
4. Orang yang rendah taraf sosial
5. Orang yang tamak
6. Anak
7. Orang yang lemah (hina)
8. Orang sangat gembira
9. Orang sangat sombong
10. Orang tamak
11. Lelaki jahat
12. Lelaki
13. Orang yang tamak dan haloba
14. Seorang hamba

Setiap subkategori berbeza berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna umum (tiada spesifikasi) bagi subkategori orang, tidak baik dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang jahat; tidak mulia dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang hina; tidak mempunyai status yang tinggi bagi subkategori orang yang rendah taraf sosial; haloba dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang yang tamak dan orang tamak; keturunan X dan jamak/tidak jamak bagi subkategori anak; tidak kuat, tidak berpengaruh dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang yang lemah (hina); tidak bersedih bagi subkategori orang sangat gembira; tidak bersikap rendah diri bagi subkategori orang sangat sombong; bukan perempuan dan jamak/tidak jamak bagi subkategori lelaki; tidak baik, bukan perempuan dan jamak/tidak jamak bagi subkategori lelaki jahat; haloba dan tidak sabar bagi subkategori orang

yang tamak dan gelojoh; dan ciri makna orang suruhan dan tidak jamak bagi subkategori seorang hamba.

Antara sub-subkategori di atas, terdapat tiga pasangan subkategori yang membentuk hubungan dalam perkaitan makna antara satu sama lain. Subkategori orang jahat dan lelaki jahat menunjukkan perkongsian ciri makna tidak baik dan jantina, untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri makna khusus, bukan perempuan bagi subkategori lelaki jahat manakala ciri makna yang tiada spesifikasi jantina bagi subkategori orang jahat.

Subkategori orang yang tamak dan orang tamak, berkongsi ciri makan khusus iaitu sikap, haloba dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih yang sempurna.

Sementara itu, subkategori lelaki jahat dan lelaki menunjukkan perkongsian ciri makna jantina iaitu bukan perempuan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, lihat rajah di bawah;



Ciri makna yang membezakan kedua-dua subkategori ini ialah ciri makna khusus tidak baik, bagi lelaki jahat dan tiada spesifikasi sifat bagi subkategori lelaki.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu tiada masa depan yang baik keadaan yang terdesak dan tercela, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada subkategori tiada masa depan yang baik, keadaan yang terdesak dan tercela. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori di atas berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Tiada masa depan yang cerah
2. Keadaan yang terdesak
3. Tercela

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan akan datang dan tidak baik bagi subkategori tiada masa depan yang cerah; keadaan, tertekan, genting dan tidak tenang bagi subkategori keadaan yang terdesak, keadaan, hina dan aib bagi subkategori tercela.

Dapatan kajian menunjukkan, permaknaan konotatif 'tercela' berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif. Permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

5.2.3 KATA AYAM

Permaknaan konotatif kata ayam ialah sejenis unggas yang biasanya diternak.

Kata ayam mempunyai 16 permaknaan konotatif:

1. orang (2, 3, 4, 5, 6, 8, 9, 13, 15, 16, 19, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 29, 32, 34, 38, 41, 43, 48, 50, 51, 52, 55)
2. kita (7)
3. barang-barangnya (10)
4. kejahatan (20, 21)
5. perkara (16)
6. gadis (17)
7. haiwan (26)
8. seseorang (28, 30, 31, 33)
9. sesuatu keputusan (36)
10. orang bodoh (37, 40)
11. orang yang bijaksana (39)
12. anak-anak (40)
13. anak gadis (42)
14. seia sekata (45)
15. orang yang pandai (46)
16. keadaan pernafasan (53)

Kata ayam mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang
2. kejahatan (11)
3. keberuntungan (14)
4. perkara yang nyata (16)
5. gadis seorang (17)
6. orang yang telah jatuh melarat (18)
7. orang yang pandai berkata-kata (23)
8. merah muka seseorang (30, 31)
9. seseorang yang cakapnya tinggi (33)
10. orang yang bernasib malang (38)
11. orang yang pandai bukan seorang (46)
12. i) orang (47a)

    ii) rakyat (47b)
13. sesuatu pekerjaan (49)
14. maksudnya yang banyak (54)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada 16 komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa ± akal ± jamak
Kita	+ abstrak + gantinama kedua jamak + merujuk kepada manusia
Barang-barangnya	+ konkrit + benda + dimiliki oleh X + jamak

Kejahatan

[+ abstrak
+ keadaan
- baik
- elok]

Perkara

[+ abstrak
+ sesuatu
+ hal
± serius]

Gadis

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
+ perempuan
± jamak]

Haiwan	+ hidup - manusia + konkrit ± kecil - akal ± jamak
Seseorang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - jamak
Sesuatu keputusan	+ abstrak + perkara + pilihan yang dibuat

Orang bodoh	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	- pandai
	± jamak

Orang yang bijaksana	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	- bodoh
	± jamak

Anak-anak	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + keturunan X + jamak
Anak gadis	+ hidup + manusia + konkrit ± dewasa - lelaki + perempuan + anak X ± jamak

Seia sekata	+ abstrak
	+ keadaan
	+ muafakat

Orang pandai	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	- bodoh
	± jamak

Keadaan pernafasan	+ abstrak
	+ keadaan
	+ menarik dan menghembus nafas

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori.

1. Hidupan
2. Abstrak
3. Barangan

Kategori hidupan dapat dipecahkan kepada dua subaktegori, iaitu manusia dan haiwan, lihat rajah di bawah;



Kategori hidupan ialah superordinat kepada sub-subkategori manusia dan haiwan, sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori hidupan.

Kedua-dua subkategori manusia dan haiwan berkongsi ciri makna hidup, konkrit dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman lihat rajah di bawah;



1. Manusia
2. Haiwan

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus manusia, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal bagi subkategori manusia. Sementara subkategori haiwan mempunyai ciri makna khusus yang bertentangan.

Ciri makna khusus yang saling bertentangan antara subkategori manusia dan haiwan membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan lihat rajah dibawah:



Subkategori manusia dapat dipecahkan kepada lapan klas iaitu orang, gadis, seseorang, orang bodoh, orang yang bijaksana, anak-anak, anak gadis dan orang pandai. Di sini subkategori manusia menjadi superordinat kepada klas-klasnya, sementara klas-klasnya adalah subordinat kepada subkategori manusia.

Kelapan-lapan klas ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa dan berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Gadis
3. Seseorang
4. Orang bodoh
5. Orang yang bijaksana
6. Anak-anak
7. Anak gadis
8. Orang pandai

Klas-klas ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi klas orang; bukan lelaki, perawan dan jamak/tidak jamak bagi klas gadis; lelaki/perempuan dan tidak jamak bagi klas seseorang; lelaki/perempuan tidak pandai dan jamak/tidak jamak bagi klas orang bodoh; lelaki/perempuan, tidak bodoh dan jamak/tidak jamak bagi klas orang yang bijaksana; lelaki/perempuan dan jamak bagi klas anak-anak; bukan lelaki, perempuan, anak X dan jamak/tidak jamak bagi anak gadis; lelaki/perempuan, tidak bodoh dan jamak/tidak jamak bagi klas orang pandai.

Terdapat dua pasangan klas yang menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Klas gadis dan anak gadis menunjukkan perkongsian ciri makna khusus bukan lelaki, perawan dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang-tindih, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua klas berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi klas gadis; anak X bagi klas anak gadis.

Klas orang yang bijaksana dan orang yang pandai berkongsi ciri makna khusus iaitu lelaki/perempuan, tidak bodoh dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih yang sempurna.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada enam subkategori iaitu kita, kejahatan, perkara, sesuatu keputusan, seia-sekata dan keadaan pernafasan, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori kita, kejahatan, perkara, sesuatu keputusan, seia-sekata dan keadaan

pernafasan. Manakala sub-kategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kesemua sub-subkategori berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Kita
2. Kejahatan
3. Perkara
4. Sesuatu keputusan
5. Seia-sekata
6. Keadaan pernafasan

Keenam-enam subkategori di atas berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus gantinama kedua jamak dan merujuk kepada manusia bagi subkategori kita; keadaan, tidak baik dan tidak elok bagi subkategori kejahatan; sesuatu, hal dan serius/tidak serius bagi subkategori perkara; perkara dan pilihan yang dibuat bagi subkategori sesuatu keputusan; keadaan dan muafakat bagi subkategori seia-sekata; keadaan dan menarik dan menghembus nafas bagi subkategori keadaan pernafasan.

Kategori barang-barangnya, tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan, kesemua permaknaan konotatif kata ayam tidak berubah golongan kata. Kesemuanya tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama.

5.2.4 Kata Babi

Permaknaan konotatif kata babi ialah sejenis binatang menyusu yang diharamkan bagi orang Islam (ada yang dipelihara dan ada yang liar).

Kata babi mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. orang yang hina (1, 3)
2. orang miskin (2)
3. orang (4)
4. suami (5)

Kata babi mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. suami hartawan yang hina (5)

Permaknaan konotatif di atas dapat dikalsifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang yang hina	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - mulia - kaya ± jamak
Orang miskin	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal

Orang miskin

- kaya
- mulia
- ± jamak

Orang

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak

Suami

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± dewasa
- perempuan
+ akal
+ hubungan kahwin
+ ketua keluarga
± jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori;

1. Manusia

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada empat subkategori, orang hina, orang miskin, orang dan suami, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang, hina, orang miskin, orang dan suami. Sementara sub-subkategori pula merupakan subordinat kepada kategori manusia.

Keempat-empat subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang hina
2. Orang miskin
3. Orang
4. Suami

Keempat-empat subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus lelaki/perempuan, tidak mulia dan tidak kaya bagi subkategori orang hina; ciri makna lelaki/perempuan, tidak kaya dan tidak mulia bagi subkategori orang miskin; tiada spesifikasi bagi subkategori orang; dan bukan perempuan, hubungan perkahwinan serta ketua keluarga bagi subakategori suami.

Subkategori orang yang hina dan orang miskin berkongsi ciri makna khusus masing-masing iaitu lelaki/perempuan, tidak kaya dan tidak mulia untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih yang sempurna.

Dapatan kajian menunjukkan keempat-empat permaknaan konotatif kata babi tidak berubah golongan kata. Kesemuannya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

5.2.5 Kata Badak

Permaknaan denotatif kata badak ialah sejenis binatang mamalia yang berkulit tebal dan bersumbu.

Kata badak mempunyai satu permaknaan konotatif;

1. orang (2, 4)

Kata badak mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. bahaya (1)
2. orang (orang biasa) (3a)
3. orang keturunan baik-baik (3b)
4. orang tambun dan hodoh (4)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada satu komponen semantik. Komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Orang

Kategori orang berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Tidak wujud hubungan dalam perkaitan makna.

Permaknaan konotatif kata badak tidak berubah golongan kata. Permaknaan konotatif ini tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

5.2.6 Kata Bangau

Permaknaan denotatif kata bangau ialah sejenis burung yang berkaki dan berleher panjang.

Kata bangau mempunyai satu permaknaan konotatif;

1. orang (1, 2, 3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada satu komponen semantik. Komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Manusia

Kategori orang berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Kategori ini tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna.

Dapatan kajian juga menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata bangau. Permaknaan konotatif kata bangau tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

5.2.7 Kata Bayan

Permaknaan denotatif kata bayan ialah sejenis burung nuri.

Kata bayan mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. orang (1)
2. manusia (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada komponen semantik. Komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang/Manusia

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
±jamak]

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Manusia

Kategori manusia berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Kategori ini tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna.

Dapatan kajian juga menunjukkan, tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata bayan. Permaknaan konotatif ini tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

5.2.8 Kata Belalang

Permaknaan denotatif kata belalang ialah serangga bersayap dan berkaki panjang.

Kata belalang mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. pekerjaan (1)
2. tidak disengaja (2)
3. orang (3, 5)
4. i). orang bodoh (4a)

   ii). orang hina (4b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada lima komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Pekerjaan [+ abstrak; + tugasan; + kewajipan; + dilakukan oleh X]

Tidak sengaja [+ abstrak; + keadaan; + dilakukan tanpa niat]

Orang [+ hidup; + manusia; + konkrit; ± lelaki; ± dewasa; + akal; ± jamak]

Orang bodoh

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- pandai
+ akal
± jamak

Orang hina

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- mulia
- kaya
+ akal
± jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori.

1. Abstrak

2. Manusia

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu pekerjaan dan tidak disengaja, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori pekerjaan dan tidak disengaja. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Pekerjaan
2. Tidak disengaja

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tugasan, kewajipan dan dilakukan oleh X bagi subkategori pekerjaan; keadaan, dan dilakukan tanpa niat bagi subkategori tidak disengaja.

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada tiga subkategori iaitu orang, orang bodoh dan orang hina, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang, orang bodoh dan orang hina. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Sub-subkategori orang, orang bodoh dan orang hina menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Orang bodoh
3. Orang hina

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi subkategori orang; tidak pandai bagi subkategori orang bodoh; tidak mulia dan tidak kaya bagi subkategori orang hina.

Dapatan kajian menunjukkan, kesemua permaknaan konotatif kata belalang ini tidak berubah golongan kata. Permaknaan-permaknaan ini tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

5.2.9 Kata Belut

Permaknaan denotatif kata belut ialah sejenis ikan yang panjang (seperti ular) dan licin (hidup di dalam lumpur).

Kata belut mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. orang yang gopoh-gapah (1)
2. orang (2, 4, 5, 6)
3. orang yang tidak baik (3)
4. yang tak mungkin berhasil (7)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang yang gopoh gapah

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- sabar
+ akal
± jamak

Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Orang yang tidak baik	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + jahat + akal ± jamak

Yang tak mungkin berhasil

- + abstrak
- + keadaan
- - tertunai
- - menjadi

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori.

1. Manusia
2. Yang tak mungkin berhasil

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu orang yang gopoh-gapah, orang dan orang yang tidak baik, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang yang gopoh-gapah, orang dan orang yang tidak baik. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Ketiga-tiga subkategori di atas berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak sabar bagi subkategori orang yang gopoh-gapah; tiada spesifikasi bagi subkategori orang; bersikap jahat bagi subkategori orang jahat.

Kategori yang tak mungkin berhasil tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kesemua kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata bagi permaknaan konotatif kata belut. Kesemua permaknaan ini tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

5.2.10 Kata Berudu

Permaknaan denotatif kata berudu ialah anak katak yang masih menyerupai ikan.

Kata berudu mempunyai satu permaknaan konotatif;

1. Orang (1, 2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada satu komponen semantik. Komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang
- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- ± lelaki
- ± dewasa
- + akal
- ± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Orang

Kategori orang berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Tidak wujud hubungan dalam perkaitan makna.

Dapatan kajian menunjukkan, permaknaan konotatif kata berudu ini tidak berubah golongan kata. Permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

5.2.11 Kata Beruk

Permaknaan denotatif kata beruk ialah sejenis kera besar (dapat diajar memanjat kelapa dan memetik kelapa).

Kata beruk mempunyai enam permaknaan konotatif;

1. orang (1)
2. orang yang tamak (2)
3. suasana yang tidak berubah (3)
4. orang tamak (4)
5. sesuatu (5, 6b)
6. wanita cantik (6a)

Permaknaan konotatif kata beruk mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. sesuatu yang tidak ada gunanya (5)
2. wanita cantik yang tak mungkin didapat (6a)
3. sesuatu yang tidak berguna (6b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada enam komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak

Orang yang tamak	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa ÷ akal + haloba ± jamak
Suasana yang tidak berubah	+ abstrak + keadaan + tetap sama
Orang tamak	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + haloba ± jamak

Sesuatu

± konkrit
± benda
± perkara

Wanita cantik

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
+ dewasa
+ akal
+ lawa
± jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori.

1. Manusia
2. Sesuatu
3. Suasana yang tidak berubah

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada empat subkategori, iaitu orang, orang yang tamak, orang tamak dan wanita cantik, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang, orang yang tamak, orang tamak dan wanita cantik. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Keempat-empat subkategori ini menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Keempat-empatnya berkongsi ciri makna hidup. manusia, konkrit, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Orang yang tamak
3. Orang tamak
4. Wanita cantik

Ciri makna yang membezakan keempat-empat subkategori ini ialah ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus yang tiada spesifikasi iaitu orang, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa bagi subkategori orang; lelaki/perempuan, dewasa/ tidak dewasa dan haloba bagi subkategori orang yang tamak; lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan haloba bagi subkategori orang tamak, tidak lelaki, dewasa dan lawa bagi subkategori wanita cantik.

Pencirian makna khusus di atas menunjukkan terdapatnya dua subkategori yang mempunyai ciri makna khusus yang sama. Subkategori tersebut ialah orang yang tamak dan orang tamak. Perkongsian ciri makna khusus lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan haloba membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih yang sempurna.

Kategori sesuatu dan suasana yang tidak berubah, tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-dua subkategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini. Kesemua permaknaan kata <u>beruk</u> ini tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

5.2.12 Kata Biawak

Permaknaan denotatif kata biawak ialah sejenis binatang yang menyerupai buaya (tetapi lebih kecil).

Kata biawak mempunyai lima permaknaan konotatif;

1. lelaki (1)
2. orang (3)
3. sesuatu yang mustahil (4)
4. perempuan (6)
5. orang yang rendah budi pekerti (7)

Permaknaan konotatif kata biawak mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. barang katanya (2)
2. orang jahat (3)
3. a). yang sangat menyusahkan diri (5a)
   b). anak/isteri yang sangat menyusahkan hati (5b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Lelaki

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- perempuan
± dewasa
+ akal
± jamak]

Orang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Sesuatu yang mustahil

[+ abstrak
+ keadaan
- mungkin berlaku]

Perempuan

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak
]

Orang yang rendah budi pekerti

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- santun
+ akal
± jamak
]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada kategori.

1. Manusia

2. Sesuatu yang mustahil

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada empat subkategori, iaitu lelaki, orang, perempuan dan orang yang rendah budi pekerti, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori lelaki, orang perempuan dan orang yang rendah budi pekerti. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Sub-subkategori lelaki, orang, perempuan dan orang yang rendah budi pekerti berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Lelaki
2. Orang
3. Perempuan
4. Orang yang rendah budi pekerti

Sub-subkategori ini berbeza berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak perempuan bagi subkategori lelaki; tiada spesifikasi bagi subkategori orang; tidak lelaki bagi subkategori perempuan; tidak santun bagi subkategori orang yang tiada berbudi pekerti.

Percirian makna khusus di atas memperlihatkan dua subkategori yang menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Subkategori lelaki dan perempuan, menunjukkan pertentangan ciri makna khusus jantina untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, lihat rajah di bawah;



Kategori sesuatu yang mustahil tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata biawak ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

5.2.13 Kata Buaya

Permaknaan denotatif kata buaya ialah sejenis binatang berdarah sejuk (reptilia) yang berkulit keras (merangkak dan buas).

Kata buaya mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. seorang jahat (1)
2. orang (2, 4, 6)
3. seseorang (3)
4. orang yang tamak (5)

Kata buaya mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang yang telah pandai (4)
2. orang pandai (6)
3. orang yang sudah tahu (7)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Seorang jahat

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- baik
- jamak]

Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Seseorang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - jamak

Orang yang tamak	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa ± akal + haloba ± jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Manusia

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada empat subkategori iaitu seorang jahat, orang, seseorang dan orang yang tamak, lihat rajah di bawah;



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori seorang jahat, orang, seseorang dan orang yang tamak. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Keempat-empat subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Seorang jahat
2. Orang
3. Seseorang
4. Orang yang tamak

Keempat-empat subkategori ini berbeza berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak baik dan tidak jamak bagi subkategori seorang jahat; tiada spesifikasi (umum) dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang; tidak jamak (tunggal) bagi subkategori seseorang; dan haloba serta jamak/tidak jamak bagi subkategori orang yang tamak.

Pencirian makna khusus di atas menunjukkan terdapatnya dua subkategori yang berkongsi ciri makna khusus. Sub-subkategori ini ialah orang dan seseorang. Kedua-dua siubkategori ini berkongsi ciri makna tiada spesifikasi (tidak jamak) untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, lihat rajah di bawah;



Ciri makna khusus yang membezakannya ialah jamak/tidak jamak bagi subkategori orang sementara tidak jamak bagi subkategori seseorang.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dan permaknaan konotatif kata buaya ini. Kesemuanya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

5.2.14 Kata Buntal

Permaknaan denotatif kata buntal ialah beberapa jenis ikan yang menjadi gembung kalau dipegang.

Kata buntal mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. orang (1, 2)
2. kelakuan (3)
3. orang miskin (4)

Permaknaan konotatif kata buntal mengalami perluasan makna apabila beerkolokasi dengan kata lain.

1. orang bodoh dan sombong (1)
2. orang yang tiada berpengetahuan (2)
3. orang yang miskin hidup berpekin (4)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak

Kelakuan

[+ abstrak
+ perlakuan
+ dimiliki oleh X]

Orang miskin

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- kaya
+ hina
± jamak]

Komponen-komnponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori.

1. Manusia

2. Kelakuan

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu orang dan orang miskin, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang dan orang miskin. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori orang dan orang miskin menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Orang miskin

Ciri makna yang membezakan kedua-duanya ialah ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna tiada spesifikasi (umum) bagi subkategori orang; sementara tidak kaya dan hina bagi subaktegori orang miskin.

Kategori kelakuan tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini. Kesemuanya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

5.2.15 Kata Burung

Permaknaan denotatif kata burung ialah binatang berbulu yang bersayap (biasanya dapat terbang).

Kata burung mempunyai sembilan permaknaan konotatif;

1. orang (1, 3b, 8, 10, 11)
2. pasangan (3a)
3. hasil (4)
4. sesuatu (5, 12)
5. keuntungan (7)
6. perkataan (9)

7. perempuan (13)

8. anak gadis (14)

9. orang dagang (15)

Permaknaan konotatif kata burung mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang yang sudah biasa jahat (1)

2. orang (2)

3. keuntungan besar, keuntungan kecil (7)

4. sesuatu yang susah diperoleh (12).

5. dua orang perempuan (13)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada sembilan komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Pasangan

- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- ± lelaki
- ± dewasa
- + hubungan
- + kumpulan yang genap bilangannya
- + akal
- ± jamak

Hasil

- + konkrit
- + pulangan
- ± banyak

Sesuatu

- ± abstrak
- ± hal
- ± perkara
- ± benda

Keuntungan

[
+ abstrak
+ keadaan
+ laba
- rugi
]

Perkataan

[
+ abstrak
+ dinyatakan oleh X
± tulis
]

Perempuan

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak
]

Anak gadis

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
+ perawan
+ anak X
± jamak]

Orang dagang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ perantau
± jamak]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada empat kategori.

1. Manusia
2. Hasil
3. Sesuatu
4. Abstrak

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada lima kategori iaitu orang, perempuan, anak gadis dan orang dagang, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia dalah superordinat kepada sub-subkategori orang, pasangan, perempuan, anak gadis dan orang dagang. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kelima-lima subkategori ini menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak, untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman lihat rajah di bawah;



Sub-subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi (umum) bagi subkategori orang; ada hubungan, kumpulan yang genap bilangannya bagi subkategori pasangan; tidak lelaki bagi subkategori perempuan; tidak lelaki, perawan dan anak X, bagi subkategori anak gadis; dan lelaki/perempuan serta perantau bagi subkategori orang dagang.

Berdasarkan pencirian makna di atas, didapati dua subkategori yang menunjukkan perkongsian ciri makna khusus. Sub-subkategori tersebut ialah perempuan dan anak gadis. Kedua-dua subkategori ini menunjukkan perkongsian ciri makna tidak lelaki untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih, lihat rajah di bawah;



Perbezaan antara kedua-duanya ialah ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi subkategori perempuan, sementara subkategori anak gadis mempunyai ciri makna khusus yang lebih spesifik, iaitu, perawan dan anak X.

Kategori hasil dan sesuatu tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kesemuanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu keuntungan dan perkataan, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, laba dan tidak rugi bagi subkategori keuntungan, dinyatakan oleh X dan bertulis/ tidak bertulis bagi subkategori perkataan.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata burung ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama.

5.2.16 Kata Cacing

Permaknaan denotatif kata cacing ialah beberapa jenis binatang yang bulat atau pipih panjang dan tidak beranggota (ada yang hidup dalam air, tanah, perut manusia atau binatang dan lain-lain).

Kata cacing mempunyai enam permaknaan konotatif;

1. perempuan (1)
2. orang (2, 7, 8)
3. orang kecil (3)
4. orang kebanyakan, (4a)
5. orang yang lemah (4b)
6. orang hina (5)

Permaknaan konotatif kata cacing mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. perempuan yang suka berpergian, bertandang (1)
2. orang yang tidak tenang, selalu gelisah (2, 8)
3. orang hina dan keji (7)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada enam komponen semantik. Komponen-komponen ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Perempuan	+ hidup + manusia + konkrit - lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak

Orang kecil	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa - pengaruh - pangkat + akal ± jamak
Orang kebanyakan	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa - pengaruh - pangkat + akal ± jamak

Orang yang lemah

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- pengaruh
± jamak]

Orang hina

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- kaya
- mulia
± jamak]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Manusia

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada enam subkategori, iaitu perempuan, orang, orang kecil, orang kebanyakan, orang yang lemah dan orang hina, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori perempuan, orang, orang kecil, orang kebanyakan, orang yang lemah dan orang hina. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Keenam-enam subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Perempuan
2. Orang
3. Orang kecil
4. Orang kebanyakan
5. Orang yang lemah
6. Orang hina

Keenam-enam kategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak lelaki bagi subkategori perempuan; tiada spesifikasi bagi subkategori orang; lelaki/perempuan, tidak berpengaruh, tidak berpangkat bagi tiga subkategori iaitu orang kecil, orang kebanyakan dan orang yang lemah. Sementara bagi subkategori orang hina, ciri makna khususnya ialah tidak kaya dan tidak mulia.

Berdasarkan pencirian makna di atas, didapati tiga subkategori yang berkongsi ciri makna khusus. Sub-subkategori tersebut ialah orang kecil, orang kebanyakan dan orang yang lemah. Ketiga-tiga subkategori ini membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang tindih yang sempurna.

Dapatan kajian menunjukkan, kesemua permaknaan konotatif kata cacing tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

5.2.17 Kata Cicak

Permaknaan denotatif kata cicak ialah sejenis reptilia (badan dan ekornya panjang dan kakinya empat).

Kata cicak mempunyai satu permaknaan konotatif;

1. orang (1, 2, 3)

Kata cicak mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. Orang yang kecil (1)
2. Orang yang beroleh malu di dalam majlis (2a)
3. Orang yang bersenang hati, gembira (2b)
4. Rupa orang di dalam sakit (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada satu komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

- + hidup
- + manusia
- + konkrit
- ± lelaki
- ± dewasa
- + akal
- ± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Orang

Kategori ini tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan permaknaan konotatif kata cicak tidak berubah golongan kata. Permaknaan konotatif ini tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

5.2.18 Kata Elang

Permaknaan denotatif kata elang ialah sejenis burung liar yang biasa menyambar ayam. Kata elang juga dieja sebagai helang.

Kata elang memnpunyai empat permaknaan konotatif;

1. orang besar-besar (1)
2. orang-orang kaya (2)
3. sesuatu hal (3)
4. seseorang (4)

Kata elang mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. cerdik orang besar-besar (1)
Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada enam komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Tanpa	+ abstrak
bersusah	+ keadaan
payah	+ mudah

Sesuatu	+ abstrak
	+ hal
	+ perkara
	± serius

Orang	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	± jamak

Orang jahat	+ hidup + manusia + konkrit - perempuan ± dewasa + akal - baik ± jamak
Bahaya kecil	+ abstrak + keadaan - selimut - seriusI
Isi negeri	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + rakyat jelata + jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Abstrak
2. Manusia

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu tanpa bersusah payah, sesuatu dan bahaya yang kecil, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori tanpa bersusah payah, sesuatu dan bahaya yang kecil. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Tanpa bersusah payah
2. Sesuatu
3. Bahaya yang kecil

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan dan mudah bagi subkategori tanpa bersusah payah; hal. perkara dan serius/ tidak serius bagi subkategori sesuatu; keadaan, tidak selamat dan tidak serius bagi subkategori bahaya yang kecil.

Kategori manusia pula dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu orang, orang jahat dan isi negeri, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang, orang jahat dan isi negeri, manakala sub-subkategori pula adalah subordinat kepada kategori manusia.

Ketiga-tiga subkategori orang, orang jahat dan isi negeri berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa dan

berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Orang jahat
3. Isi negeri

Subkategori orang, orang jahat dan isi negeri berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang; tidak perempuan, tidak baik, dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang jahat; manakala bagi subkategori isi negeri merujuk kepada rakyat jelata dan jamak.

Dapatan kajian menunjukkan berlaku satu perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata tikus ini. Permaknaan konotatif bahaya yang kecil membentuk golongan kata adjektif. Sementara itu permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata. Kesemuanya tetap dalam lingkungan kata nama.

5.2.76 Kata Tuma

Permaknaan denotatif kata tuma ialah sejenis binatang halus seperti kutu (terdapat pada binatang dan juga manusia). Data ini memasukkan kata tungau dalam entri tuma kerana ia merujuk kepada perkara yang sama.

Kata tuma mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. orang (1, 2)
2. bahaya yang kecil (3)
3. anak buahnya (4)

Kata tuma mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang yang berpura-pura mahu tahu akan perkara-perkara yang benar-benar akan terjadi (2a)
2. orang yang menutup-nutup perbuatan jahat yang sudah diketahui orang (2b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Bahaya yang kecil	+ abstrak + keadaan - selamat - serius
Anak buahnya	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa

Anak buahnya [+ akal; + pengikut X; ± jamak]

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Manusia
2. Bahaya yang kecil

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori, iaitu orang dan anak buahnya, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superodinat kepada sub-subkategori orang dan anak buahnya. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Sub-subkategori orang dan anak buahnya berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Anak buahnya

Sub-subkategori orang dan anak buahnya berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi subkategori orang; dan pengikut X bagi subkategori anak buahnya.

Kategori bahaya yang kecil tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata tuma ini. Permaknaan konotatif bahaya yang kecil membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan konotatif yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

5.2.77 Kata Tupai

Permaknaan denotatif kata tupai ialah sejenis binatang yang mengertip (memggunggis).

Kata tupai mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. seseorang (1)
2. orang (2, 3)
3. orang jahat (4)

Kata tupai mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. sepandai-pandai orang (2)
2. orang tua (3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Seseorang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- jamak]

Orang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Orang jahat

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- perempuan
± dewasa
- baik
+ akal
± jamak

Komponen-komponen semantik ini dapat dikumpulkan kepada satu kategori;

1. Manusia

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada tiga subkategori, iaitu seseorang, orang, dan orang jahat, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori seseorang, orang dan orang jahat. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Ketiga-tiga subkategori seseorang, orang dan orang jahat menunjukkan perkongsian ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa dan berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Seseorang
2. Orang
3. Orang jahat

Sub-subkategori seseorang, orang dan orang jahat berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus lelaki/perempuan tidak jamak bagi subkategori seseorang; lelaki/perempuan, jamak/tidak jamak dan tiada spesifikasi bagi subkategori orang dan bukan perempuan, tidak baik serta jamak/tidak jamak bagi subkategori orang jahat.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku sebarang perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata tupai ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

5.2.78 Kata Udang

Permaknaan denotatif kata udang ialah sejenis binatang yang hidup di air (berkulit keras, berkaki sepuluh dan berekor).

Kata udang mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. sesuatu maksud (1)
2. orang (2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9)

Kata udang mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. orang yang bermuka merah (6)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Sesuatu maksud	+ abstrak + tujuan + hasrat hati + hal
Orang	± hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori.

1. Sesuatu maksud
2. Orang

Kedua-dua kategori sesuatu maksud dan orang tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Ketiga-tiga kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku sebarang perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata udang ini. Kesemua permaknaan konotatif ini tetap dalam lingkungan kata nama.

5.2.79 Kata Ular

Permaknaan denotatif kata ular ialah sejenis binatang menjalar yang tidak berkaki dan kulitnya bersisik (ada yang berbisa dan ada yang tidak).

Kata ular mempunyai 17 permaknaan konotatif;

1. orang (1, 10, 12, 13, 22b)
2. maksud (2)
3. geliang-geliut (3); menggeliang-geliut (19)
4. yang lemah lembut (4)
5. orang besar (5, 8, 26)
6. jahat (7)
7. orang yang pengecut (9)
8. sesuatu yang sangat bahaya (11)
9. i) pihak (14a, 22a)

   ii) orang munafik (14b, 22b)

10. sesuatu masalah (17)

11. musuh (18)

12. orang yang jahat (21)

13. orang jahat (23)

14. sesuatu perkara (24)

15. baik (25)

16. orang lain (27)

17. musuh kecil (28)

Kata ular mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. geliang-geliut kerana kesakitan (3)

2. bahaya (6)

3. yang jahat (7)

4. orang besar yang merendahkan diri (8, 26)

5. orang yang buncit perutnya (10)

6. orang yang telah pernah menderita kesusahan (13)

7. cakap yang tidak berkeputusan (15, 16)

8. musuh yang cerdik (18)

9. menggeliang-geliut kerana terlalu marah (19)

10. tingkah laku seseorang yang jahat (20)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada 18 komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak

Maksud

+ abstrak
+ hal
+ tujuan
+ hasrat hati
+ perkara

Geliang-geliut/ menggeliang geliut	+ abstrak + perlakuan + menggeliat + merentang-rentangkan anggota badan
Yang lemah lembut	+ abstrak + perlakuan + sopan
Orang besar	+ hidup + manusia + konkrit ± dewasa + pangkat + pengaruh - hina - miskin + akal ± jamak

Jahat	+ abstrak + perlakuan - baik
Orang yang pengecut	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - berani ± jamak
Sesuatu yang sangat bahaya	+ abstrak + perkara + hal - selamat + amat serius

Pihak	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + kumpulan manusia + akal ± jamak
Orang munafik	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki + dewasa - baik + akal ± jamak

Sesuatu masalah

+ abstrak
+ perkara
+ hal
+ kesulitan

Musuh

+ hidup
± manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
± jantan
± besar
± akal
- kawan
± jamak

Orang yang jahat	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	- baik
	± jamak

Orang jahat	+ hidup
	+ manusia
	+ konkrit
	± lelaki
	± dewasa
	+ akal
	- baik
	± jamak

Sesuatu perkara	+ abstrak + hal ± serius
Baik	+ abstrak + keadaan - tidak elok
Orang lain	+hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - diri sendiri ± jamak

Musuh kecil

+ hidup
± manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
± jantan
± besar
± akal
- jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Hidupan
2. Abstrak

Kategori hidupan dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu manusia dan haiwan, subkategori manusia dapat dibahagikan kepada 10 klas iaitu orang, orang besar, orang yang pengecut, pihak, orang munafik, musuh, orang yang jahat, orang jahat, orang lain dan musuh kecil; sementara subkategori haiwan dapat dipecahkan kepada dua klas iaitu musuh dan musuh kecil, lihat rajah di bawah;



Kategori hidupan adalah superordinat kepada sub-subkategori manusia dan haiwan. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori hidupan. Subkategori manusia adalah superordinat kepada klas-klasnya iaitu orang, orang besar, orang yang pengecut, pihak, orang munafik, musuh , orang yang jahat, orang jahat, orang lain dan musuh kecil; manakala kesepuluh-puluh klas tersebut adalah subordinat kepada subkategori manusia. Subkategori haiwan pula adalah superordinat kepada klas-klasnya iaitu musuh dan musuh kecil, sementara klas-klasnya adalah subordinat kepada subkategori haiwan.

Kedua-dua subkategori manusia dan haiwan berkongsi ciri makna hidup, konkrit dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna :angkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus manusia, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal bagi subkategori manusia; sementara bagi subkategori haiwan ciri makna khususnya ialah jantan/betina, besar/kecil dan tidak berakal. Pencirian makna khusus ini memperlihat hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, kerana kedua-dua ciri makna ini adalah antonim, lihat rajah di bawah;



Subkategori manusia yang dipecahkan kepada 10 klas, iaitu orang, orang besar, orang yang pengecut,pihak, orang munafik, musuh, orang yang jahat, orang jahat orang lain dan musuh kecil berkongsi ciri makna hidup,

manusia, konkrit, lelaki/perempuan, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Orang besar
3. Orang yang pengecut
4. Pihak
5. Orang munafik
6. Musuh
7. Orang yang jahat
8. Orang jahat
9. Orang lain
10. Musuh kecil

Klas-klas orang, orang besar, orang yang pengecut,pihak, orang munafik, musuh, orang yang jahat, orang jahat, orang lain dan musuh kecil berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi klas orang; berpangkat, berpengaruh, tidak hina dan tidak miskin bagi klas orang besar; tidak berani bagi klas orang yang pengecut; kumpulan manusia bagi klas pihak, tidak baik bagi klas orang munafik; tidak kawan bagi klas musuh; tidak baik bagi klas orang yang jahat serta orang jahat, bukan diri sendiri bagi klas orang lain serta tidak kawan bagi klas musuh kecil.

Pencirian makna khusus klas-klas di atas memperlihatkan tujuh klas yang mempunyai hubungan dalam perkaitan makna. Klas-klas tersebut ialah klas orang munafik, orang yang jahat dan orang jahat, klas musuh dan musuh kecil yang terbahagi kepada 2 iaitu bagi subkategori manusia dan haiwan.

Ketiga-tiga klas orang munafik, orang yang jahat dan orang jahat ini berkongsi ciri makna khusus tidak baik untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi yang sempurna.

Sementara klas-klas musuh dan musuh kecil berkongsi ciri makna tidak kawan dan berbeza antara satu sama lain berasaskan jumlah bilangan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, lihat rajah di bawah; (hal yang sama juga berlaku pada subktegori haiwan bagi klas musuh dan musuh kecil)



Kategori abstrak pula dapat dibahagikan kepada tujuh subkategori iaitu maksud, geliang-geliut/menggeliang-geliut, yang lemah lembut, jahat, sesuatu yang sangat bahaya, sesuatu masalah dan baik, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori maksud, geliang-geliut/ menggeliang-geliut, yang lemah lembut, jahat, sesuatu yang sangat bahaya, sesuatu masalah dan baik. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Sub-subkategori di atas berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;

Kategori abstrak pula dapat dibahagikan kepada tujuh subkategori iaitu maksud, geliang-geliut/menggeliang-geliut, yang lemah lembut, jahat, sesuatu yang sangat bahaya, sesuatu masalah dan baik, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori maksud, geliang-geliut/ menggeliang-geliut, yang lemah lembut, jahat, sesuatu yang sangat bahaya, sesuatu masalah dan baik. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Sub-subkategori di atas berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Maksud
2. Geliang-geliut/menggeliang-geliut
3. Yang lemah lembut
4. Jahat
5. Sesuatu yang sangat bahaya
6. Sesuatu masalah
7. Baik

Ketujuh-tujuh subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus hal, tujuan, hasrat hati dan perkara bagi subkategori maksud; perlakuan, menggeliat dan merentang-rentangkan anggota badan bagi subkategori geliang-geliut/ menggeliang-geliut; perlakuan dan sopan bagi subktegori yang lemah lembut; perlakuan dan tidak baik bagi subkategori jahat; perkara, hal, tidak selamat dan amat serius bagi subkategori sesuatu yang sangat bahaya; dan perkara, hal serta kesulitan bagi subkategori sesuatu masalah; bukan tidak elok bagi subkategori baik.

Berasaskan pencirian makna di atas, didapati beberapa subkategori yang berkongsi beberapa ciri makna khusus masing-masing. Sub-subkategori maksud, sesuatu yang bahaya dan sesuatu masalah berkongsi ciri makna khusus hal dan perkara untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna

rangkuman dalam kumpulan yang sama ciri makna hal dan perkara, lihat rajah di bawah;



1. Maksud
2. Sesuatu yang bahaya
3. Sesuatu masalah

Subkategori geliang-geliut/menggeliang/geliut, yang lemah lembut dan jahat berkongsi ciri makna khusus perlakuan untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman dalam kumpulan perlakuan, lihat rajah di bawah;



1. Geliang-geliut/menggeliang-geliut
2. Yang lemah lembut
3. Jahat

Dapatan kajian menunjukkan permaknaan konotatif geliang-geliut/menggeliang-geliut membentuk golongan kata kerja; yang lemah lembut dan jahat dan baik membentuk golongan kata adjektif; sementara permaknaan yang selebihnya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

5.2.80 Kata Ulat

Permaknaan denotatif kata ulat ialah sejenis binatang kecil yang umumnya lembut dan banyak kakinya (akan menjelma menjadi kepompong dan seterusnya kupu-kupu).

Kata ulat mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. orang yang rajin berusaha (1)
2. orang (2, 8)
3. sangat benci (3)

Kata ulat mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. perselisihan (5)
2. orang (4, 6, 9)
3. sebab untuk bertengkar (7)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tiga komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang yang rajin berusaha

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- malas
± jamak]

Orang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Sangat benci

[+ abstrak
+ perasaan
- suka]

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Manusia
2. Sangat benci

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu orang yang rajin berusaha dan orang, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang yang rajin berusaha dan orang. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori orang yang rajin berusaha dan orang berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang yang rajin berusaha
2. Orang

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak malas bagi subkategori orang yang rajin berusaha; dan tiada spesifikasi bagi subkategori orang.

Kategori sangat benci tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-dua kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku sebarang perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ulat ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

5.2.81 Kata Umang-Umang

Permaknaan denotatif kata umang-umang ialah sejenis ketam laut yang kecil (umumnya bersarang di kulit siput).

Kata umang-umang mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. orang yang suka berpakaian bagus tetapi bukan miliknya sendiri (1)
2. orang (2, 3)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Orang yang suka berpakaian cantik tetapi bukan milik sendiri

[
+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
+ berpakaian elok/cantik
- milik sendiri
± jamak
]

Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada satu kategori.

1. Manusia

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu orang yang suka berpakaian cantik tetapi bukan milik sendiri dan orang , lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang yang suka berpakaian cantik tetapi bukan milik sendiri dan orang. Sementara sub-subkategori pula adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori orang yang suka berpakaian cantik tetapi bukan milik sendiri dan orang berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang yang suka berpakaian cantik tetapi bukan milik sendiri
2. Orang

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus berpakaian elok/cantik, bukan milik sendiri bagi subkategori orang yang suka berpakaian cantik tetapi bukan milik sendiri; dan tiada spesifikasi bagi subkategori orang.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku sebarang perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata umang-umang. Kedua-dua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

5.3 Kesimpulan

Kata nama haiwan dikonotatifkan untuk menggambarkan dua aspek. Pertama, keadaan sesuatu perkara, pekerjaan, kejadian, keuntungan dan percakapan. Kedua, hidupan, yang dipecahkan kepada dua, iaitu haiwan dan manusia. Kata nama haiwan banyak dikonotatifkan pada ciri-ciri sifat yang wujud dalam diri manusia sebagai seorang individu, sama ada orang biasa, orang kaya, orang-orang besar, raja-raja, suami-isteri, lelaki, perempuan, gadis, anak dan sebagainya.

Penggunaan kata nama haiwan ini bukan sahaja digunakan secara 'tersendiri' untuk menggambarkan sesuatu permaknaan, malah kata nama haiwan ini dihubungkaitkan dengan kolokasi kata nama haiwan tersebut. Gandingan kata nama haiwan dengan kata lain secara langsung akan memperluaskan permaknaan konotatif yang didukungi oleh sesuatu kata, lihat rajah di bawah;

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
1. Anai-anai	1. Beramai-ramai (2) 2. Tekun dan rajin (3)	1. Anai-anai bubus	1. Keluar beramai-ramai (berduyun-duyun) (2)
		2. Anai-anai makan kayu	1. Mengerjakan sesuatu pekerjaan dengan tekun dan rajin (3)
2. Anjing	1. Orang (28) 2. Seorang hamba (38)	1. Anjing kepala busuk	1. Orang yang sangat dibenci oleh masyarakat (28)
		2. Anjing kurap	1. Seorang hamba yang miskin (38)
3. Ayam	1. Orang (18, 23, 38)	1. Ayam sudah patah	1. Orang yang telah jatuh melarat (18)
		2. Ayam yang tangkas	1. Orang yang pandai berkata-kata (23)
		3. Ayam mandul	1. Orang yang bernasib malang (38)
	2. Kejahatan (20)	4. Ayam terlepas	1. Kejahatan yang tidak mendatang-kan hasil (20)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
	3. Perkara (16)	5. Ayam putih terbang siang	1. Perkara yang nyata (16)
	4. Gadis (17)	6. Ayam seekor	1. Gadis seorang (17)
	5. Seseorang (30, 31, 33)	7. Ayam mengarang telur	1. Merah muka seseorang (30)
		8. Ayam mengeram telur	1. Merah muka seseorang (31)
		9. Ayam si tombong	1. Seseorang yang cakapnya tinggi (33)
	6. Orang yang pandai (46)	10. Seekor ayam tak berkokok	1. Orang yang pandai bukan seorang (46)
4. Babi	1. Suami (5)	1. Babi gemuk	1. Suami hartawan yang hina (5)
5. Badak	1. Orang (4)	1. Badak terendak	1. Orang tambun dan hodoh (4)
6. Beruk	1. Sesuatu (5, 6b) 2. Wanita cantik (6i)	1. Beruk berayun	1. Sesuatu yang tidak ada gunanya (5, 6b) 2. Wanita cantik yang tak mungkin didapat (6a)
7. Biawak	1. Orang (3)	1. Biawak kudung	1. Orang jahat (3)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
8. Buaya	1. Orang (4, 6)	1. Buaya berenang	1. Orang yang telah pandai (4)
		2. Buaya menyelam	1. Orang pandai (6)
9. Buntal	1. Orang (1, 2)	1. Buntal kembung	1. Orang bodoh dan sombong (1)
			2. Orang yang tiada berpengetahuan (2)
	2. Orang miskin (4)	2. Yang buntal kutil-mengutil	1. Orang yang miskin hidup berpekin (4)
10. Burung	1. Orang (1)	1. Burung gagak	1. Orang yang sudah biasa jahat (1)
	2. Keuntungan (7)	2. Burung terbang tinggi	1. Keuntungan yang besar (7)
		3. Burung punai	1. Keuntungan yang kecil (7)
	3. Sesuatu (12)	4. Burung atas langit	1. Sesuatu yang susah diperoleh (12)
	4. Perempuan (13)	5. Dua Burung	1. Dua orang perempuan (13)
11. Cacing	1. Perempuan (1)	1. Cacing gila	1. Perempuan yang suka berpergian/ bertandang (1)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
	2. Orang (2, 7, 8)	2. Cacing kena air panas	1. Orang yang tidak tenang, selalu gelisah (2)
		3. Cacing kepanasan	1. Orang yang tidak tenang, selalu gelisah (8)
		4. Cacing di perlimbahan	1. Orang hina dan keji (7)
12. Cicak	1. Orang (1, 2, 3)	1. Cicak makan kapur	1. Orang yang kecil (1)
			2. Orang yang beroleh malu di dalam majlis (2a)
			3. Orang yang bersenang hati, gembira (2b)
		2. Cicak kering	1. Rupa orang di dalam sakit (3)
13. Elang	1. Orang besar-besar (1)	1. Cerdik elang	1. Cerdik orang besar-besar (1)
	2. Orang-orang kaya (2)	1. Elang terbang mengawan	1. Perbuatan orang kaya-kaya (2)
14. Enggang	1. Orang mulia (kaya) (8a)	1. Anak enggang	1. Anak orang mulia (kaya) (8a)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
15. Gajah	1. Yang besar (1)	1. Bangkai gajah	1. Kejahatan yang besar (1)
	2. Orang besar-besar (2, 3)	2. Dua ekor gajah berjuang	1. Pergaduhan antara orang besar-besar (2)
		3. Gajah tompang	1. Orang besar-besar dalam kesusahan (3)
	3. Raja-raja (4, 6)	4. Gajah bergajah	1. Raja-raja berselisih (4)
		5. Gajah berjuang sama gajah	1. Raja-raja berselisih (6)
	4. Raja (21, 40)	6. Gajah rompong belalai	1. Raja yang tiada berkuasa (21)
			2. Raja yang kehilangan kuasanya (40)
	5. Pekerjaan (23a)	7. Gajah seekor	1. Sesuatu pekerjaan (23a)
	6. Perempuan (23b)		2. Seorang perempuan (23b)
	7. Orang (26)	8. Hitam-hitam gajah	1. Orang yang hina tetap hina (26)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
	8. Pekerjaan/ kejadian (35)	9. Ditempuh gajah lalu	1. Pekerjaan/ kejadian yang tak dapat di sembunyikan (35)
	9. Orang yang gemuk (36)	10. Gajah berpaling	1. Orang gemuk yang berpusing ke belakang (36)
	10. Seseorang (39)	11. Gajah putih ditambat	1. Seseorang yang merugikan orang yang memeliharanya (39)
16. Harimau	1. Orang (5, 6)	1. Harimau beranak muda	1. Orang perempuan yang terlalu bengis (5)
		2. Harimau bertempek	1. Orang yang terlalu marah (6)
	2. Orang baik (10)	1. Harimau mati meninggalkan belang	1. Orang baik meninggalkan nama baik (10)
17. Itik	1. Sesuatu perkara (13)	1. Itik bertaji	1. Sesuatu perkara yang dilakukan tidak dengan sewajarnya (13)
18. Kerbau	1. Orang (1, 2, 3, 20)	1. Jelongak kerbau rampung	1. Orang bodoh yang sombong (1)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
		2. Kerbau runcing tanduk	1. Orang yang sudah terkenal kejahatannya (2)
		3. Kerbau tanduk panjang	1. Orang lain (3)
			2. Orang yang sudah terkenal jahatnya (20)
	2. Orang besar-besar (11)	4. Kerbau bertanduk	1. Orang besar-besar kuat kerana kekuasaannya (11)
	3. Keuntungan/ kesenangan (26)	5. Kerbau melabuh	1. Sesuatu yang akan mendatangkan keuntungan/ kesenangan (26)
	4. Orang bodoh (33)	6. Kerbau dicocok hidung	1. Orang bodoh yang selalu menurut kemahuan orang (33)
19. Kijang	1. Keuntungan (1)	1. Kijang teruit	1. Keuntungan dengan tidak bersusah payah (1)
20. Kucing	1. Orang yang ditakuti (4)	1. Kucing tidak bergigi	1. Orang yang ditakuti sudah tidak berkuasa lagi (4)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
	2. Orang lain (6)	2. Kucing melompat	1. Kesusahan/ kesukaan orang lain (6)
	3. Orang (10, 11, 14)	3. Kucing biang	1. Orang yang berkeluh kesah tak tentu sebab (10) 2. Orang yang sedang berahi akan perempuan (14)
		4. Kucing keguguran anak	1. Orang yang berkeluh kesah tak tentu sebab (11)
	4. Orang jahat (12)	5. Kucing menyembunyikan kuku	1. Orang jahat yang berpura-pura baik (12)
21. Kuda	1. Orang (3, 4, 8, 9)	1. Bapa kuda	1. Orang lelaki yang suka kahwin di sana sini dan bersenang-senang di rumah isterinya tanpa membuat sesuatu pekerjaan (3)
		2. Kuda beban	1. Orang suruhan (4)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
		3. Kuda yang baik	1. Orang yang rajin (8)
		4. Kuda yang pantas	1. Orang yang rajin dan pandai berbuat pekerjaan (9)
22. Kumbang	1. Lelaki (2, 4)	1. Kumbang bukan seekor	1. Lelaki bukan seorang di atas dunia ini (2)
		2. Kumbang menyeri bunga	1. Lelaki yang mempermain-mainkan perempuan (4)
23. Kura-kura	1. Orang sakit (7)	1. Kura-kura terlentang	1. Orang sakit yang terbaring dengan tiada berdaya (7)
24. Kutu	1. Pekerjaan (1, 5)	1. Kutu dalam ijuk	1. Pekerjaan yang sia-sia (1, 5)
	2. Kesalahan/ keburukan (3)	1. Kutu boleh diselisik	1. Kesalahan atau keburukan tidak dapat disembunyikan (3)
25. Labah-labah	1. Orang (1)	1. Akal labah-labah	1. Orang jahat (1)
26. Lalat	1. Orang lelaki (2)	1. Lalat langau mengerumuni bangkai	1. Orang lelaki yang berhimpun di rumah perempuan jahat (2)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
27. Lebah	1. Orang (1)	1. Lebah menghimpun madu	1 Orang yang sangat rajin (1)
	2. Seorang perempuan (3)	1. Lebah, mulut bawa madu, pantat bawa sengat	1. Seorang perempuan yang elok parasnya dan manis tutur katanya, tetapi kelakuannya jahat (3)
28. Lembu	1. Orang (1, 3, 5)	1. Lembu dogol	1. Orang yang suka mengertak (1) 2. Orang yang tiada melawan (3) 3. Orang yang melawan/bekerja bersungguh-sungguh (5)
	2. Orang yang besar tubuh (2)	1. Lembu kasi	1. Orang yang besar tubuh tetapi penakut (2)
29. Lintah	1. Orang (1)	1. Lemah-lembut lintah	1. Orang yang lemah-lembut lakunya (1)
30. Lotong	1. Orang besar-besar (1)	1. Lotong terlalu makan	1. Orang besar-besar bersuka ria (1)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
31. Merak	1. Orang (1, 2)	1. Merak mengigil dihutan	1. Orang menunjukkan kepandaian kepada orang-orang yang tidak dapat menghargainya (1) 2. Orang menunjukkan pengetahuannya kepada orang-orang yang bodoh (2)
32. Murai	1. Perempuan (1)	1. Murai dicabut ekor	1. Perempuan yang suka bercakap banyak (1)
	2. Sesuatu (2)	2. Murai berkicau hari siang	1. Sesuatu yang sudah terang dan nyata (2)
	3. Ahli (orang)(3)	3. Murai biasa berkicau	1. Ahli dalam lapangannya (3)
33. Musang	1. Orang jahat (1)	1. Musang berbulu ayam	1. Orang jahat yang menyamar sebagai orang baik-baik (1)
	2. Orang (2)	2. Musang jebat	1. Orang yang baik atau jahat itu (2)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
	3. Kejahatan (3)	3. Musang terjun	1. Kejahatan yang telah diperbuat (3)
34. Nyamuk	1. Orang yang berbuat jahat (4)	1. Nyamuk mati	1. Orang yang berbuat jahat sudah dihukum (4)
35. Penyu	1. Orang kaya (1,2)	1. Penyu bertelur beratus-ratus banyaknya 2. Penyu bertelur beribu-ribu	1. Keuntungan yang diperoleh orang kaya (1, 2)
36. Pijat-pijat	1. Orang (1)	1. Pijat-pijat kena pirik	1. Orang yang mendapat celaka (1)
37. Pipit	1. Seorang (9)	1. Pipit makan padi	1. Seorang mendapat kesenangan (9)
38. Puyuh	1. Percakapan (1) 2. Perkara-perkara yang benar-benar akan terjadi (3a)	1. Puyuh laga 2. Sembunyi-sembunyi puyuh	1. Percakapan yang tak pernah habis (1) 1. Berpura-pura tidak mahu tahu akan perkara-perkara yang benar-benar akan terjadi (3a)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
			2. Mencuba menutup-nutup perbuatan jahat yang sudah diketahui orang (3b)
39. Serigala	1. Orang jahat (1)	1. Serigala berbulu domba	1. Orang jahat menyamar sebagai orang baik-baik (1)
40. Tuma	1. Orang (2)	1. Sembunyi-sembunyi tuma; kepala tersorok ekor kelihatan	1. Orang yang ber-pura-pura mahu tahu akan perkara-perkara yang benar-benar akan terjadi (2a) 2. Orang yang menutup-nutup perbuatan jahat yang sudah di-ketahui orang (2b)
41. Tupai	1. Orang (2, 3)	1. Sepandai-pandai tupai 2. Tua-tua tupai	1. Sepandai-pandai orang (2) 1. Orang tua (3)
42. Udang	1. Orang (6)	1. Udang direbus	1. Orang yang ber-muka merah (6)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
43. Ular	1. Geliang geliut (3)	1. Cengkeling bagai ular dipukul	1. Geliang-geliut kerana kesakitan (3)
	2. Jahat (7)	2. Jika kepalanya ular	1. Yang jahat itu (7)
	3. Orang besar (8, 26)	3. Jika ular menyusur akar, tiada hilang bisanya	1. Orang besar yang merendahkan diri tidak akan jatuh martabatnya (8)
		4. Ular menyusur akar	1. Sama seperti di atas (26)
	4. Orang (10, 13)	5. Ular kekenyangan	1. Orang yang buncit perutnya sehingga berjalan pun sudah tidak betul (10)
		6. Sekali dipatuk ular	1. Orang yang telah pernah menderita kesusahan (kecelakan) (13)
	5. Musuh (18)	7. Menangkap ular diekornya	1. Mencuba mengalah-kan musuh yang cerdik, akhirnya kitalah yang binasa (18)

Kata Nama Haiwan		Kolokasi Kata Nama Haiwan	
Denotatif	Konotatif	Denotatif	Konotatif
	6. Menggeliang-geliut (19)	8. Ular kena palu	1. Menggeliang-geliut kerana terlalu marah (19)

Bagaimanapun, kolokasi (kedudukan/posisi) kata nama haiwan tidak keseluruhannya mambawa perluasan makna, terdapat juga kolokasi kata nama haiwan yang berciri sebagai satu makna yang tersendiri, lihat rajah di bawah;

Kolokasi Kata Nama Haiwan	Konotatif
1. Anak anjing (1)	1. Orang
2. Anak ayam (1, 47a, 47b)	2) Orang
	4i) Orang
	5ii) Rakyat
3. Ayam hitam terbang malam bertali ijuk (11)	6. Kejahatan
4. Ayam menang (14)	7. Keberuntungan
5. Anak badak (1)	8. Bahaya
6. Anak badak tampung (3a)	9. Orang (orang biasa)
7. Anak badak raya (3b)	10. Orang keturunan baik-baik
8. Lidah biawak (2)	11. Barang katanya
9. Biawak hidup (5a, 5b)	12 i) Yang sangat menyusahkan diri

Kolokasi Kata Nama Haiwan	Konotatif
	13 ii) Anak/isteri yang sangat menyusahkan hati
10. Anak buaya berenang (7)	14. Orang yang sudah tahu
11. Burung hantu	15. Orang
12. Bingung si kikih (11)	16. Bodoh orang besar-besar
13. Gagak hitam (5)	17. Sesuatu
14. Gagak putih (8)	18. Perolehan yang bertuah
15. Gajah putih (30)	19. Orang yang tiada mendatangkan faedah
16. Anak harimau (1, 2, 3, 4, 17, 19, 20a, 20b, 21, 22)	20. Orang yang zalim
	21. Orang yang lebih kuat dan lebih persediaan alat senjata
	22. Orang yang suka berbuat jahat
	23. Orang yang berani
	24. Orang yang berkuasa
	25. Orang yang bersaiz kecil
	26 i) Anak orang baik-baik
	27 ii) Anak orang berani
	28. Anak yang lekas pandai
	29. Musuh yang kelak akan merugikan kita sendiri
17. Anak ikan (1)	30. Sesuatu pekerjaan
18. Ikan lias-lias (18)	31. Orang yang lemah
19. Ikan radai (19)	32. Sesuatu

Kolokasi Kata Nama Haiwan	Konotatif
20. Di ikan kalang (28)	33. Orang yang lebih berani
21. Itik jantan (11)	34. Orang
22. Anak kambing (1)	35. Orang yang pengecut
23. Bulu kambing (9)	36. Yang sia-sia
24. Kambing hitam (15)	37. Orang yang dipersalahkan
25. Kambing kecil (18)	38. Orang
26. Katak betung (2)	39. Orang
27. Anak kera (2, 3)	40. Orang lain
	41. Orang yang sudah ahli
28. Kerbau jantan (25)	42. Lelaki
29. Anak kucing (1a, 1b)	43 i) Orang miskin
	44 ii) Rakyat biasa
30. Kucing melompat (6)	45. Kesusahan/kesukaan orang lain
31. Anak kuda (1)	46. Anak muda
32. Langau hijau (2)	47. Anak dagang
33. Sarang lebah (2)	48. Bahaya
34. Anak monyet (1)	49. Urusan orang lain
35. Semut gatal (6)	50. Sesuatu
36. Anak sepat (1)	51. Orang
37. Ular tidur (6)	52. Bahaya
38. Kaki ular (20)	53. Tingkah laku seseorang yang jahat
39. Lubang ulat (5, 7)	54. Perselisihan
	55. Sebab untuk bertengkar
40. Ulat nangka	56. Orang

Kolokasi Kata Nama Haiwan	Konotatif
41. Ulat pinang (9)	57. Orang

Kepelbagaian penggunaan kata nama haiwan untuk menggambarkan sesuatu permaknaan menyebabkan berlakunya beberapa tumpang tindih permaknaan konotatif antara kata-kata nama haiwan sendiri dan kolokasi kata nama haiwan, lihat rajah di bawah;

Kata Nama Haiwan	Permaknaan Konotatif
1. Anjing/Ayam/Babi/Badak/Bangau/ Bayan/Belalang/Belut/Berudu/Beruk/ Biawak/Buaya/Buntal/Burung/ Cacing/Cicak/Gagak/Gajah/Harimau/ Ikan/Itik/Kambing/Katak/Kelkatu/ Keli/Kepiting/Kera/Kerbau/Kodok/ Kucing/Kuda/Kura-kura/Kutu/ Labah-labah/Lalat/Lebah/Lembu/ Lintah/Lotong/Merak/Monyet/ Musang/Pacat/Pelanduk/ Pijat-pijat/Pipit/Rusa/Semut/ Sepasin/Siput/Tikus/Tuma/Tupai/ Udang/Ular/Ulat/Umang-umang/Kuang	- Orang
2. Anjing/Gagak/Harimau/Katak/ Kucing/Musang/Pijat-pijat/ Serigala/Cacing/Pipit	- Orang jahat
3. Anjing/Belalang/Cacing/Pipit	- Orang hina
4. Anjing/Beruk/Buaya	- Orang yang tamak

Kata Nama Haiwan	Permaknaan Konotatif
5. Anjing/Cacing/Kambing/Nyamuk	- Orang yang lemah
6. Anjing/Beruk	- Orang tamak
7. Anjing/Biawak/Kumbang	- Lelaki
8. Ayam/Buaya/Elang/Gajah/Kucing/ Kerbau/Rusa/Tupai/Kuang	- Seseorang
9 Ayam/Belalang/Kerbau/Kura-kura/ Sepat	- Orang bodoh
10. Ayam/Burung	- Anak gadis
11. Babi/Buntal/Kuda/Pacat/Pipit	- Orang miskin
12. Belalang/Gajah/Kerbau/Kutu/Langau	- Pekerjaan
13. Beruk/Burung/Gajah/Ikan/Murai/ Pelanduk/Pipit/Siamang/Tikus	- Sesuatu
14. Biawak/Burung/Cacing/Gajah/Itik/ Murai/Kuang	- Perempuan
15. Burung/Kerbau/Kijang	- Keuntungan
16. Burung/Kijang	- Orang dagang
17. Cacing/Kuman/Landak/Pijat-pijat/ Pipit/Sepat	- Orang kecil
18. Elang/Enggang/Gajah/Harimau/ Kerbau/Lotong/Naga	- Orang besar-besar
19. Enggang/Kera/Kerbau/Kucing/ Pijat-pijat/Ular	- Orang lain
20. Enggang/Naga	- Orang mulia
21. Enggang/Gajah/Garuda/Harimau/Ular	- Orang besar
22. Enggang/Gajah/Penyu	- Orang kaya

Kata Nama Haiwan	Permaknaan Konotatif
23. Gajah/Harimau	- Orang baik
24. Ikan/Itik/Kasturi/Kepiting/ Kerbau/Kijang/Lalat/Nyamuk/ Pelanduk/Rusa	- Hidupan
25. Itik/Pipit	- Orang yang degil
26. Katak/Ular	- Orang yang pengecut
27. Keli/Lebah	- Seorang perempuan
28, Kura-kura/Pelanduk	- Keuntungan yang kecil
29. Pijat-pijat/Tikus/Tuma	- Bahaya yang kecil
30. Tikus/Tupai	- Orang jahat

	Kata Nama Haiwan + Kolokasi Kata Nama Haiwan	Konotatif
1	Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Anak anjing/Anak ayam/Anak badak/Burung hantu/Itik jantan/Kambing kecil/Katak betung/Anak sepat/Ulat Nangka/Ulat pinang	- Orang
2	Ayam/Ayam hitam terbang malam bertali ijuk	- kejahatan
3	Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Biawak Kudung/Akal labah-labah	- Orang jahat
4	Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Burung punai	- Keuntungan yang kecil

Kata Nama Haiwan + Kolokasi Kata Nama Haiwan	Konotatif
5 Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Gajah seekor	- Seorang perempuan
6 Gajah/Anak harimau	- Orang yang berkuasa
7 Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Ikan lias-lias	- Orang yang lemah
8 Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Gagak hitam/Ikan radai/ Semut gatal	- Sesuatu
9 Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Anak kambing	- Orang yang pengecut
10 Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Anak kera/Kerbau tanduk/ panjang	- Orang lain
11 Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/Kerbau jantan	- Lelaki
12 Kata Nama Haiwan (seperti dalam jadual sebelumnya)/ Anak kucing	- Orang miskin

Kolokasi + Kolokasi Kata Nama Haiwan	Konotatit
1. Anak badak/Sarang labah/Ular tidur	- Bahaya

Kepekaan dan keprihatinan masyarakat lalu membina peribahasa tidak dapat dinafikan. Gambaran yang diingini secara tepat dan jitu digambarkan

melalui hidupan yang terdapat di sekeliling mereka. Tumpang tindih yang berlaku adalah berasaskan persamaan ciri yang dimiliki oleh kata-kata yang dijadikan lambang. Keadaan semula jadi kata yang dilambangkan telah dimanipulasikan dan diwujudkan kesesuaiannya dalam dunia manusia yang sebenarnya.